



## Beras Cap Feri

### jaminan bekalan makanan negeri

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**  
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD & NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk mengeluarkan beras tempatan jenama sendiri yang akan dinamakan sebagai Beras Cap Feri dengan harga lebih murah.

Exco Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi, Fahmi Zainol berkata bahawa pengeluaran Beras Cap Feri adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri dalam menjamin bekalan makanan di negeri ini.

“Selain itu, inisiatif ini juga bertujuan membekalkan beras putih tempatan yang berharga murah berbanding yang ada di pasaran.

“Pengeluaran Beras Cap Feri ini akan memberi manfaat kepada golongan sasaran iaitu kumpulan berpendapatan rendah (B40) untuk mendapatkan beras putih tempatan dengan harga lebih murah,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Fahmi memberitahu bahawa perkara tersebut telah dipersetujui melalui mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diadakan pada 20 Mac lalu.

“Sehubungan itu, mesyuarat jawatankuasa pemandu beras Pulau Pinang telah diadakan pada 25 Mac 2024 melibatkan beberapa jabatan dan agensi terlibat bagi membincangkan pelaksanaan proses pengeluaran Beras Cap Feri ini.



Fahmi Zainol.

“Antaranya, Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Bahagian Kawal Selia Padi Beras,” katanya ketika dihubungi Buletin Mutiara pada 27 Mac lalu.

Fahmi yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak menyatakan bahawa Beras Cap Feri dijangka dapat dipasarkan di seluruh negeri Pulau Pinang dalam tempoh dua bulan lagi.

“Keutamaan pemasaran akan diberikan kepada FAMA negeri Pulau Pinang yang juga merupakan badan pelaksana bagi projek beras Pulau Pinang ini.

“Melalui mesyuarat jawatankuasa pemandu beras Pulau Pinang yang



lepas, saya juga telah bersetuju jualan fasa awal akan dilakukan di premis-premis milik FAMA dan LPP terlebih dahulu seperti Agrobazaar FAMA dan Peladang Outlet,” ujarnya.

Menurut Fahmi, setakat hari ini, Kerajaan Negeri telah mengadakan rundingan dengan Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Pulau Pinang bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat belian terus hasil padi

daripada PPN.

“Selepas itu, beras akan diproses untuk dijadikan Beras Cap Feri, dan ini juga bermakna beras Beras Cap Feri ini akan menggunakan beras tempatan dari Pulau Pinang,” ulasnya sambil menambah bahawa projek tersebut akan diketuai oleh beliau sendiri selaku Exco yang bertanggungjawab.



# Skim Inapan Kasih ZPP beri selesa penerima perlu



**DR. Mohamad Abdul Hamid (berkemeja putih) menyampaikan replika kunci sebagai gimik penyerahan rumah baharu di bawah Skim Inapan Kasih ZPP kepada salah seorang penerima di sini baru-baru ini.**

Oleh : **NUR ASHIKIN ISMAIL**  
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

## BUKIT MERTAJAM

- Tiga keluarga asnaf menerima rumah baharu di bawah Skim Inapan Kasih sumbangan Zakat Pulau Pinang (ZPP), membabitkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM2.016 juta.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa pemberian rumah baharu itu adalah salah satu daripada program pengagihan wang zakat oleh ZPP kepada asnaf terpilih.

"Kos seunit rumah adalah bernilai di antara RM67,000 sehingga RM80,000 serta berkeluasan 800 kaki persegi dengan dilengkapi tiga bilik tidur dan sebuah bilik air selain menggunakan reka bentuk baharu yang lebih kemas serta selesa berbanding sebelum ini.

"Peruntukan tahunan untuk Skim Inapan Desa adalah sebanyak RM2.016 juta dan sasaran untuk kita bina pada tahun ini adalah sebanyak 30 rumah.

"Daripada jumlah itu, tiga rumah telah siap sepenuhnya dan diserahkan kepada penerima," ujarnya semasa sesi ucap-tama



**Sebagai makluman, kos sebanyak RM1.98 juta telah diperuntukkan di bawah Skim Baik Pulih yang telah menyasarkan sebanyak 90 rumah keluarga asnaf untuk dibaiki."**

**- DR. Mohamad Abdul Hamid.**

sempena Penyerahan Kunci Rumah Skim Inapan Kasih ZPP pada 26 Mac 2024 di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon; Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali; Ahli Lembaga Pengarah ZPP, Dato' Dastagir V.K. Mohd. Yasin; Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penanti, Mohamad Salehan Jahaya serta PPK Seberang Jaya, Fayyadh Afiq Albakqry Jaafar Sidek.

Pada majlis sama, Mohamad turut menyatakan bahawa pihaknya bercadang membina sebanyak 27 rumah lagi pada tahun ini untuk diserahkan kepada penerima-penerima layak.

"Sebagai makluman, kos sebanyak RM1.98 juta telah diperuntukkan di bawah

dibaiki.

"Saya berharap agar rumah yang telah disumbangkan ini dapat memberi keselesaan kepada penghuni dalam menjalani kehidupan seharian serta menjadi tempat berlindung," ujarnya.

Terdahulu, Mohamad berkesempatan menyampaikan kit sumbangan bantuan ZPP serta melawat beberapa buah rumah yang perlu dibaik pulih kelak.

## Guru KAFA terima bayaran elaun tambahan

**TELOK AYER TAWAR** - Seramai 1,600 guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) dari 217 premis KAFA di negeri ini bakal menerima bayaran elaun tambahan selama setahun melibatkan peruntukan RM25,090,200.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid berkata bahawa dengan penambahan tersebut, jumlah bayaran elaun yang diterima oleh guru-guru KAFA meningkat kepada RM1,300 untuk guru, manakala RM1,350 (guru besar) berbanding RM1,100 sebelum ini.

"Peruntukan tambahan ini sebahagiannya adalah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjumlah RM3,970,200 melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP).

"Baki RM21,120,000 adalah daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)," ujarnya semasa menyempurnakan Majlis Ikrar Guru KAFA Lantikan Baharu 1/2024 di sini 1 April lalu.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif ZPP, Dato' Amran Hazali serta beberapa pengurusan tertinggi.

Mengulas lanjut, Mohamad memaklumkan terdapat juga beberapa premis KAFA yang mengambil inisiatif melaksanakan sesi pengajaran selama lima hari seminggu dengan bayaran elaun tambahan ditanggung oleh jemaah pengurusan sekolah.

"Kerajaan Negeri sentiasa cakna akan kepentingan pendidikan asas agama terutamanya penglibatan murid-murid dalam program KAFA.

"Sehubungan itu, peningkatan elaun dan sokongan tambahan kepada guru-guru KAFA adalah bertujuan memperkukuhkan sistem pendidikan Islam pada peringkat negeri sekali gus memberi dorongan kepada para pendidik untuk terus memberikan pengajaran yang berkualiti demi kepentingan generasi masa depan," jelasnya.





# Pemindahan organ

## ‘beranikan diri demi insan perlu’

**D**EMI menyelamatkan nyawa, tiada apa lagi yang lebih bernilai, hatta mempertaruhkan nyawa sendiri demi menyelamatkan orang yang disayangi.

Itulah pengorbanan dilakukan pasangan adik-beradik, **ZEYATI YON**, 54, yang menderma buah pinggang kepada adiknya, **SITI ZALEHA YON**, 36, pada tahun 2021.

Berbaur perasaan terharu, penulis Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** mendekati mereka untuk mendapatkan cerita terperinci.



**ZEYATI Yon.**



**SITI Zaleha Yon.**

Menurut Siti Zaleha, buah pinggang beliau disahkan rosak pada tahun 2018 oleh doktor setelah mengalami sesak nafas.

“Selepas lakukan pemeriksaan, doktor sahkan kedua-dua buah pinggang saya rosak dan perlu mencari penderma atau penyumbang organ mengikut giliran.

“Doktor memang ada cakap, kalau penderma adalah dari kalangan ahli keluarga maka peratusan kejayaan itu lebih tinggi, tidak semestinya mempunyai jenis darah yang sama.

“Selepas kakak saya (Zeyati) bersetuju, kami terus beritahu kepada

doktor dan pembedahan selamat dijalankan di Hospital Selayang, Selangor pada bulan Januari 2021,” ujarnya ketika ditemui pada 20 Mac lalu.

Selepas empat tahun melakukan pemindahan buah pinggang, kedua-dua beradik tersebut menzahirkan rasa syukur kerana tidak berdepan komplikasi kesihatan rentetan pembedahan tersebut.

Pada peringkat awal pembedahan, pasangan tersebut perlu melakukan pemeriksaan dua minggu sekali, kini cuma perlu lakukan pemeriksaan tiga bulan sekali dan ia akan berterusan sepanjang hayat.

Difahamkan, sebelum menerima organ buah pinggang daripada Zeyati, pihak hospital sebenarnya turut tampil untuk menderma, namun gagal akibat kerosakan organ tersebut.

Zeyati dalam pada itu memberitahu bahawa beliau tidak berfikir panjang untuk mendermakan buah pinggang apabila melibatkan kesihatan adiknya.

“Saya memang sudah tekad (ingin menderma), selepas itu hospital maklumkan ada organ yang didermakan melalui tabung organ, malangnya organ itu rosak. Mungkin Tuhan sudah tetapkan saya sebagai penderma kepada adik saya.

“Sebelum derma memang ada dengar cakap-cakap orang tentang komplikasi akibat menderma, kononnya lepas ini senang jatuh sakitlah dan macam-macam lagi.

“Anak-anak pun zahirkan kebimbangan mereka, takut-takut kalau pembedahan itu mendatangkan risiko kepada saya.

“Saya lebih kepada dengar nasihat doktor dan alhamdulillah segalanya berjalan lancar, daripada pembedahan sehinggalah keadaan kesihatan kami sekarang agak baik, cuma kalau kerja terlalu berat doktor tidak sarankan saya buat,” maklumnya yang bertugas di salah sebuah hotel dekat Batu Ferringhi.

Apa yang lebih penting menurut Zeyati, doktor menasihati mereka agar lebih menjaga kesihatan terutamanya melibatkan penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi.

“Ini kerana penyakit ini dikatakan mampu menjadi ancaman dan merosakkan buah pinggang tersebut.

“Apa yang ajaibnya, selepas derma buah pinggang kepada adik saya, penyakit asma yang saya hidapi turut hilang, sekiranya dahulu kerap diserang sekarang sudah tiada.

“Lepas pembedahan biasalah sementara nak tunggu luka sembuh, tidak boleh bangun selama tiga hari, tetapi selepas itu semua kembali seperti biasa,” ulas ibu kepada tiga cahaya mata itu lagi.



## Derma Organ

Satu Ikrar Sejuta Harapan

Menutup bicara, Siti Zaleha dan Zeyati menasihatkan orang ramai agar beranikan diri sekiranya terdapat insan yang perlukan organ.

“Dapatkan nasihat doktor sebelum melakukan pemindahan dan elakkan daripada mendengar pandangan bukan daripada pakar perubatan untuk sebarang kekeliruan.

“Mengenai kos pembedahan pula, penerima perlu membayar RM200 manakala penyumbang adalah percuma dan akan menikmati banyak kelebihan di fasiliti kesihatan awam,” ujar mereka.

Menyentuh mengenai kesedaran tentang kepentingan menderma organ, Buletin Mutiara sempat mendapatkan pandangan daripada Ahli Laman Sokongan Transplan Buah Pinggang Malaysia, **KOAY SEOW HONG**.

Menurut Seow Hong, kadar kesedaran menderma organ dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah sedangkan apabila berbuat demikian, ia mampu menyelamatkan nyawa insan lain.

“Saya merupakan salah seorang daripada pesakit buah pinggang yang tampil untuk berkongsi pengalaman dan menyokong individu terlibat.

“Sebagai usaha berterusan, pihak kami menganjurkan acara *Monthly Transplant Walk* dengan sokongan Hospital Pulau Pinang (HPP), Hospital Seberang Jaya dan keluarga-keluarga pesakit yang terlibat dengan dialisis.

“Tujuannya tidak lain tidak bukan adalah untuk berkongsi cerita tentang individu yang menjalani proses transplan.



**KOAY Seow Hong.**


“Selain itu, perkara yang dibincangkan termasuk melibatkan kepercayaan agama, mitos perubatan dan kebimbangan mengenai proses itu sendiri,” ulasnya ketika dihubungi baru-baru ini.

Menerusi program itu juga, Seow Hong menyatakan bahawa penerangan terperinci akan diberikan kepada kedua-dua pihak agar kebimbangan tidak perlu dapat diredakan.

“Oleh itu, kami di Laman Sokongan Transplan Buah Pinggang Malaysia merayu agar lebih ramai pihak tampil sebagai penderma untuk menyelamatkan nyawa serta individu yang masih dalam senarai menunggu.

“Sebarang maklumat boleh diperoleh menerusi kumpulan kami di laman *Facebook*,” katanya.





MD. Nashriq  
Md. Nassir.

# MD. NASHRIQ

## jurulatih cemerlang tekad beri khidmat terbaik



RAKAMAN gambar kenangan pasukan Akademi Budo.

**S**ANGGUP menempuh perjalanan sejauh 80 kilometer (km) dari Teluk Air Tawar, Butterworth ke Akademi Budo yang terletak di Tanjung Tokong setiap hari demi memberikan yang terbaik kepada para pelajarnya yang juga Skuad Judo Pulau Pinang.

**MD. NASHRIQ MD. NASSIR**, 39, merupakan jurulatih sukan judo Pulau Pinang yang telah berkhidmat selama lebih 18 tahun.

Ber cerita mengenai titik awal kerjayanya, pemenang Anugerah Jurulatih Cemerlang Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) bagi 2023 terbabit juga merupakan seorang atlet sukan judo dan telah melakar banyak kejayaan baik dalam negeri mahupun di pentas dunia.

Wartawan Buletin Mutiara, **NUR ASHIKIN ISMAIL** dan jurugambar **SIEW CHIA EN** berkesempatan menemu bual Md. Nashriq dalam satu sesi wawancara khas baru-baru ini dekat Akademi Budo.

Menamatkan pengajian di salah sebuah universiti sukan judo dekat Jepun, Md. Nashriq kemudiannya mengambil keputusan untuk kembali ke kampung halaman dan memulakan kerja separuh masa dekat akademi ini.

“Selain ingin mencari rezeki, sebenarnya saya pernah tercedera sewaktu perlawanan Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) sekitar tahun 2005 mengakibatkan kecederaan lutut yang agak teruk.

“Setelah itu, saya berhenti bertanding dan fokus sepenuh masa untuk memberikan tunjuk ajar kepada para pelajar lain yang sudah tentu

bakal menjadi harapan serta menonjolkan keupayaan lebih baik dari saya,” ujar anak kelahiran Pulau Pinang itu.

Md. Nashriq turut berkongsi bahawa beliau hanya bercuti rehat pada hari Ahad manakala hari lain beliau komited meneruskan latihan serta bimbingan di akademi.

“Akademi Budo ini diasaskan sejak tahun 2003, saya juga pernah menjadi salah seorang pelajar di sini serta cemerlang dan berjaya mencipta kejayaan.

“Sudah tentu saya ingin menunjukkan contoh dan bimbingan yang baik dalam mengajar, oleh itu ketepatan masa adalah amat penting diterapkan dalam diri setiap atlet termasuk mereka yang berumur empat tahun (pelajar muda).

“Latihan diadakan setiap hari bermula hari Isnin sehingga Sabtu serta mempunyai beberapa sesi bermula 3 petang sehingga 10.30 malam manakala hari Sabtu (10.30 pagi sehingga 6 petang),” jelasnya.

Tambah beliau, barisan jurulatih di akademi tersebut sering merancang latihan dengan sebaik-baiknya selain memberi sepenuh komitmen supaya pelajar berada pada tahap yang terbaik.

“Buktinya, saya bangga dengan pelajar yang memperoleh kejayaan melalui pelbagai perlawanan disertai serata dunia seperti SEA Games, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan banyak lagi,” katanya.

Disoal mengenai cabaran sepanjang melatih, Md. Nashriq berkata bahawa pembahagian masa pelajar agak sukar dek terlibat dengan aktiviti di sekolah.

“Bagi saya, antara cabaran utama adalah masa berlatih, hal ini kerana kebanyakan pelajar ada yang merupakan pelajar sekolah serta universiti, maka jurulatih perlu mengatur jadual sebaiknya supaya tidak mengganggu aktiviti di sekolah seperti kelas tambahan dan sebagainya.

“Sukar jika masa berlatih kurang kerana kehandalan seseorang atlet itu bergantung kepada perkembangan mereka berlatih hari demi hari.

“Ada yang memakan masa tiga hingga lima

tahun, manakala bagi yang betul-betul mahir ada juga memakan masa sehingga 10 tahun berlatih, jadi tidak salah latihan ini diterapkan dari awal usia,” ulasnya yang kini melatih kira-kira 150 pelajar di akademi berkenaan.

Sebelum beransur pulang, Md. Nashriq sempat menceritakan persediaan negeri dalam menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA 2024) di Sarawak.

“Syukur alhamdulillah, persediaan menghadapi SUKMA dalam keadaan baik dek latihan yang sering dijalankan, para pelajar tidak kurang menunjukkan perkembangan cemerlang.

“Sasaran pada kali ini sama juga seperti SUKMA yang lepas, jika diberikan rezeki kejayaan lebih sudah tentu saya akan bangga dengan pencapaian para pelajar.

“Oleh itu, bagi mereka yang berminat dan ingin mempelajari sukan judo serta memperoleh manfaat baik adalah dialu-alukan untuk menyertai kami di sini.

“Turut menjadi harapan saya agar lebih ramai lagi masyarakat di negeri ini terlibat dalam sukan seni bela diri seperti judo,” serunya menutup bicara.



SEBAHAGIAN teknik latihan yang diterapkan.



# Anjung Komuniti

## program pendidikan perangi dadah

**D**ADAH Musuh Negara, slogan yang cukup sinonim dalam ‘perang’ melawan penagihan dadah di negara ini. Mesejnya jelas bahawa dadah tidak kira jenis tradisional mahupun sintetik, ia adalah berbahaya dan menjadi musuh nombor satu negara.

Jika disorot kembali, usaha menangani isu dan masalah dadah telah dimulakan dengan penguatkuasaan Akta Dadah Berbahaya 1952. Pada 1983, usaha diperkukuhkan dengan mengisytiharkan dadah sebagai musuh nombor satu negara.

Lanjutan perkembangan itu, sehinggalah tahun 2004, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ditubuhkan yang bertujuan mencegah, mengesan, menangkap, menguat kuasa, menyiasat dan mendakwa pesalah terlibat dalam kesalahan dadah serta rawatan dan pemulihan.

Malah, mengukuhkan lagi strategi memerangi dadah, Dasar Dadah Negara digubal pada 2017 yang menjadi kerangka kerja komprehensif dalam semua aspek melibatkan dadah.

Susulan itu, wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** mengadakan pertemuan dengan Pengarah AADK Negeri Pulau Pinang, **ELMARIAH CHUNG** untuk mengetahui dengan lebih lanjut usaha terkini yang dilakukan oleh agensi kerajaan itu dalam

usaha membanteras masalah penyalahgunaan dan penagihan dadah dalam komuniti, khasnya di negeri Pulau Pinang.

Menurut Elmariah, AADK Negeri Pulau Pinang mempunyai cara tersendiri dalam memastikan usaha membanteras dadah secara menyeluruh, iaitu dengan mewujudkan pusat sehenti dalam masyarakat yang dikenali sebagai ‘Anjung Komuniti’.

“Anjung Komuniti ini adalah satu



### ELMARIAH Chung.

inisiatif yang cuma terdapat di Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Negeri.

“Pada dasarnya, kewujudan Anjung Komuniti ini adalah berdasarkan permasalahan dadah yang tinggi di Pulau Pinang.

“Kita (AADK Negeri) pilih untuk wujudkan pusat sehenti seperti ini mengikut daerah dan kawasan, macam di Barat Daya



**PENUBUHAN** Skuad Anti Dadah antara inisiatif AADK mendekati golongan belia untuk mengelakkan terjerumus ketagihan dadah.

kita pilih Mukim (Mk) 12 dekat Sungai Ara.

“Walaupun mengikut daerah, tetapi sebenarnya ada tujuh Anjung Komuniti di Pulau Pinang yang menyasarkan semua kawasan berisiko tinggi (KBT) menjadi kawasan berisiko rendah (KBR) menjelang tahun 2025,” ujarnya ketika menerima kunjungan Buletin Mutiara di Anjung Komuniti Barat Daya yang terletak di Kampung Baru, Sungai Ara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Elmariah menyatakan bahawa setiap

negeri mempunyai cara dan pendekatan yang berbeza tetapi matlamat tetap sama iaitu membanteras penagihan serta penyalahgunaan dadah dalam komuniti.

“Di Pulau Pinang, kita wujudkan pusat maklumat berkaitan dadah di sini (Anjung Komuniti).

“Selain itu, kita juga menggerakkan kolaborasi dengan pelbagai pihak sama ada kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dalam menjalankan pendidikan pencegahan sambil melibatkan komuniti,” katanya

bahawa AADK menyasarkan program pendidikan terhadap belia.

Elmariah memberitahu, pada tahun 2022, projek perintis ‘penghijauan’ membabitkan penglibatan komuniti setempat telah diadakan di Seberang Perai Utara (SPU) yang mana menerima sambutan baik.

“Susulan sambutan luar biasa, penghijauan lima kawasan berjaya dilaksanakan iaitu di Mukim 1, Kuala Muda dekat Penaga.

(Sambungan di muka 15).



**AKTIVITI** senaman zumba antara yang berjaya menarik golongan ibu bapa mendekati AADK.

## LOT F&B UNTUK DISEWA

✓ SESUAI UNTUK MAKANAN  
READY-TO-EAT

✓ LOKASI STRATEGIK & MUDAH DIAKSES

**LOT 1**  
205 kp  
RM 1,025  
(sewa bulanan)

**LOT 2**  
171 kp  
RM 855  
(sewa bulanan)

BERMINAT? HUBUNGI KAMI :-

☎ 04-510 6247 / 6190 / 6244

✉ salesmarketingbph@pdc.gov.my

SELA INBHAS KOD QR  
UNTUK DAFTAR



# Sasar Pulau Pinang capai sifar miskin tegar

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**  
Gambar : **SIEW CHIA EN**

**GEORGE TOWN** – Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim meletakkan matlamat sifar miskin tegar di Pulau Pinang menjelang 1 Jun 2024.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menghadiri Sesi Taklimat Pembangunan Negeri Pulau Pinang oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow di bangunan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) pada 5 April lalu.

“Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengadakan kerjasama dan perbincangan bersama-sama Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dalam masa sebulan ini.

“(Dan) menjelang 1 Jun nanti, saya percaya Pulau Pinang akan mencatatkan sifar miskin tegar,” ujarnya.

Mengulas mengenai sesi taklimat yang dihadiri, Anwar memaklumkan bahawa perbincangan adalah berkisarkan isu-isu tertangguh dan projek-projek keutamaan di negeri ini.

“Antara yang dibincangkan adalah mengenai perkembangan keputusan yang telah dibuat sebelum ini (oleh Kabinet) seperti Projek Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan Projek Transit Aliran Ringan (LRT) Pulau Pinang.

“Ada juga isu terpencil yang dibincangkan umpamanya pembinaan Klinik Kesihatan di Bayan Lepas yang memerlukan peruntukan sekitar RM11 juta yang mana saya telah meluluskannya segera.

“Selain itu, kita juga meletakkan keperluan untuk menumpukan sektor-sektor berkeupayaan tinggi seperti



**KETUA MENTERI** bersama-sama Perdana Menteri ketika menghadiri Taklimat Pembangunan Negeri Pulau Pinang dekat Komtar di sini.

Kecerdasan Buatan (AI), digital dan (pembuatan) mikrochip yang mana Pulau Pinang mendapat tumpuan dan pengiktirafan antarabangsa.

“Saya juga menekankan tentang perumahan dan pusat-pusat perniagaan peringkat bawah supaya rakyat juga berpeluang untuk sama-sama menikmati kemajuan

yang membanggakan di Pulau Pinang,” jelasnya.

Pada sidang media sama, Anwar turut menekankan jalinan kerjasama dan hubungan baik antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta memuji urus tadbir Kerajaan Negeri selama ini sehingga berjaya memacu pertumbuhan industri ke tahap yang lebih tinggi.



**Kediaman Gaya Hidup Yang Unggul!**  
**HALAMAN SAYA \* GAYA SAYA**  
**71 Unit Untuk Dipilih | Hakmilik Kekal**

Rumah Teres 2 Tingkat  
**Jenis A - 26' X 65'**



Rumah Teres 2 Tingkat  
**Jenis B - 22' X 75'**








**Kemudahan Yang Sempurna,  
Mudah Diakses Strategik.**

Rumah impian anda menanti anda di d'Courtyards – dua koleksi eksklusif rumah berangkai iaitu jenis dua tingkat dan rumah berangkai luas (super link).

Direka untuk mereka yang inginkan gaya hidup yang unggul, yang mana setiap rumah dibina berdasarkan rekabentuk praktikal dan bermanfaat, serta memenuhi keperluan kehidupan anda.

Rumah ini amat sesuai untuk semua generasi keluarga anda. Ia dilengkapi dengan rekabentuk kontemporari, siling yang tinggi, bilik yang luas dan ciri yang paling hebat ialah anda mempunyai halaman rumah (courtyard) anda sendiri.

**Tapak Lokasi**






Pemaju:  
**DSG Century Sdn Bhd** [202001031898 (1388218-K)]  
☎️ **+6017-562 4899 | +6012-538 9899 | +6017-479 3899 | +6012-515 3899**

☎️ +604-540 3891    ☎️ +604-540 3895    ✉️ info@dcourtyards.com    🌐 www.dcourtyards.com  
 📍 **Galeri Jualan:** Lot 1198, Jalan Machang Bubok, Taman Machang Bubok, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.  
 📍 **Ibu Pejabat:** No.1, Jalan Maju Jaya, Pusat Perniagaan Maju Jaya, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

Nombor Lesen Pemaju: 3013/07-2027/012(A)  
 Tempoh Sahaja: 08/07/2023 - 07/07/2025  
 Nombor Permit Bilan Dan Jualan: 3013-1/03-2025/0326(N)-LJ  
 Tempoh Sahaja: 27/03/2025 - 26/03/2025  
 Jenis Pemungutan: Rumah Teres 2 Tingkat  
 Nombor Pelan Stesen Air: MBSP/20/29-45/120

Nombor Rujukan Pembangunan: MBSP/40/20-45/144  
 Bilik Bersejua Yang Menunjukkan: Majlis Bandaraya Setiawang Perai  
 Bebanan Tanah: Tanah Digadai Kepada RHB Bank Berhad  
 Pungutan Tanah Bebas  
 Tarikh Jajangan Projek Disiapkan: Jun 2025

Jenis A: 22 Unit  
 Keluasan Tanah: 26' x 65'  
 Keluasan Binaan: 26' x 42'  
 Harga Minima: RM758,000.00  
 Harga Maksima: RM857,300.00

Jenis B: 49 Unit  
 Keluasan Tanah: 22' x 75'  
 Keluasan Binaan: 22' x 43'  
 Harga Minima: RM688,000.00  
 Harga Maksima: RM660,500.00

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA • DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA**



# Pulau Pinang 'TANAH ILMU'

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**PERMATANG PAUH** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menzahirkan harapan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai 'tanah ilmu', di samping penyumbang ekonomi terbesar negara.

Beliau berkata, bagi memenuhi maksud tersebut, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif memperkasakan Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang serta Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi (iBITA).

"Ini adalah bagi meringankan kos perbelanjaan sepanjang pengajian khususnya kepada pelajar-pelajar sesi kemasukan pertama ke institusi pengajian tinggi (IPT).

"Bagi bantuan iBITA, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sebanyak RM2.4 juta sehingga September 2023 demi memudahkan anak-anak kelahiran Pulau Pinang untuk menyambung pelajaran," katanya semasa berucap pada Majlis Berbuka Puasa Madani bersama Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Seri Utama Anwar Ibrahim dekat Pusat Islam UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh di sini 5 April lalu.



**Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai hab bakat pada peringkat global, Kerajaan Negeri meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap pembangunan modal insan".**

**- CHOW Kon Yeow.**

Turut hadir, Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek; mantan Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz; Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, Dato' Law Choo Kiang; Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Rosli Isa; Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan, Datuk Nik Nasarudin Mohd. Zawawi; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican serta ramai lagi.

Menurut Kon Yeow, dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai hab

bakat pada peringkat global, Kerajaan Negeri meletakkan keutamaan yang tinggi terhadap pembangunan modal insan dengan mengambil inisiatif memperkasakan Tabung Amanah Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang.

"Sehingga tahun lalu, sebanyak RM2.9 juta telah disalurkan kepada 1,303 pelajar tabung amanah ini.

"Terdapat beberapa faedah yang diperolehi oleh pelajar melalui tabung amanah ini yang mana salah satunya adalah pinjaman diberikan akan bertukar kepada biasiswa sekiranya peminjam berjaya mendapatkan Ijazah Kelas Pertama mengikut IPT masing-masing," jelasnya.

Tambah beliau, Kerajaan Negeri melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP) telah membelanjakan sebanyak RM5.2 juta kepada 5,000 pelajar yang tergolong dalam kategori Skim Permulaan IPT, dan RM15.5 juta kepada 4,000 penerima Skim Dermasiswa yang berkelayakan pada tahun ini.

"Malah, ZPP juga telah memperuntukkan sejumlah RM3 juta melalui bantuan Skim Zakat Pakaian Seragam Kembali Ke Sekolah yang memberikan manfaat kepada 19,799 anak-anak yang memerlukan di Pulau

Pinang," ujarnya.

Sementara itu, Anwar dalam ucapan beliau selepas itu mengulangi komitmen untuk membantu negeri Pulau Pinang meningkatkan infrastruktur serta memberi perhatian terhadap beberapa projek mendesak terutamanya usaha membasmi kemiskinan tegar.

"Keduanya, adalah projek-projek kepentingan rakyat seperti gerai, restoran dan kompleks perniagaan kecil yang menyantuni 70 peratus rakyat kita yang kebanyakannya dalam kalangan kelas bawahan.

"Saya ucapkan terima kasih kerana di Pulau Pinang telah ada permulaan, dan saya menggesa Kerajaan Negeri, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Kementerian Ekonomi dan Perbendaharaan akan cuba berikan tekanan ini supaya tidak ada masyarakat yang berasa tersisih," ulasnya.

Anwar memberitahu bahawa beliau juga memberi perhatian kepada kenaikan gaji penjawat awam yang akan diumumkan sebelum akhir tahun ini.

"Berita baik ini akan diumumkan beberapa bulan akan datang atau paling lewat pada pembentangan belanjawan tahun ini," katanya.

**VIVO**

executive apartment

Hak Milik Kekal | Batu Kawan, Pulau Pinang

**Nikmati Kehidupan Berkualiti Di Bandar Metropolis Pintar Dan Mampan**

Berdekatan dengan IKEA Batu Kawan, Pusat Beli-Belah Klippa, Taman Perindustrian Batu Kawan dan Bandar Cassia Technology Park.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

**+6012-550 0505**



Aspen Head Office  
Aspen House, 300, Jalan Macalister,  
10450 George Town, Pulau Pinang, Malaysia.  
T: +604 227 5000 F: +604 227 5005

Aspen Vision City Sales Gallery  
Lebuhraya Bandar Cassia, 14110 Batu Kawan,  
Pulau Pinang, Malaysia.  
T: +604 505 0505 F: +604 505 0506

Aspen (Group) Holdings Limited  
9 Raffles Place, #26-01 Republic Plaza,  
Singapore 048619.  
aspen.com.my | aspen.sg | 1300 30 5000


VIVO - Pemaju: Aspen Vision City Sdn. Bhd. [201401027751(1038837-X)] | No. Lesen Pemaju: 14568/02-2028/0224(A) - Tempoh Sah: 5 Tahun (Dari 22/02/2023 hingga 21/02/2028) | No. Permit Iklan dan Jualan: 14568-3/12-2024/1736(R)-(S) | Tempoh Sah: 1 Tahun (dari 4/12/2023 hingga 3/12/2024) | Pegangan Tanah: Kekal | Bebanan Tanah: Maybank Islamic Berhad | Pelan Diluluskan Oleh: Majlis Bandaraya Seberang Perai | No. Pelan Diluluskan: MPS/40/20-73/65(P1)(47) | VIVO | Podium 9 Tkt. Temp. Letak Kereta dari Tkt. 2 hingga Tkt. 8 dan 2 Tkt. Kemudahan Masyarakat di Tkt. 1 dan 9 | Fasa 1 - Blok A: 46 Tkt. Pangapuri Kos Sederhana (Tkt. 3 - 48) 514 unit - Unit Belum Dijual: 65 unit | Blok B: 46 Tkt. Pangapuri Kos Sederhana (Tkt. 3 - 48) 514 unit - Unit Belum Dijual: 54 unit | Blok C: 46 Tkt. Pangapuri Kos Sederhana (Tkt. 3 - 48) 502 unit - Unit Belum Dijual: 97 unit | Harga Min.: RM270,000 | Harga Mak.: RM750,000 | Saiz: 67.80 m<sup>2</sup> hingga 116.10 m<sup>2</sup> | Tarikh Dijangka Slap: Mac 2025

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

Penafian /// Kesemua gambar, ilustrasi dan kemasan slap adalah tanggapan artis sahaja. Terma dan syarat dikenakan.



**Ikano Retail**  
An IKEA retailer



Harga Daripada  
**RM4xx,xxx**  
Sahaja  
Diskaun 5% untuk Bumiputera

Dijangka Siap Pada Q4 2024





# The Rattan diyakini tembusi

HANNA Hang Cheok Ai turut memasarkan produk kraftangan rotan dengan menyewa reruai di beberapa gedung membeli-belah dalam usaha memperluaskan lagi rangkaian perniagaannya.



ANTARA produk kraftangan rotan yang dipasarkan di bawah jenama *The Rattan House*.



**K**IRA-kira empat tahun lalu, ketika negara berdepan penularan pandemik COVID-19 serta Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), **HANNA HANG CHEOK AI**, 50, mengambil keputusan memulakan perniagaan menjual produk kraftangan rotan secara

dalam talian.

Ketika ditemui dekat *Sunway Carnival Mall* baru-baru ini, Cheok Ai memberitahu bahawa perniagaan di bawah jenama *The Rattan House* kini semakin berkembang selepas beliau menyertai program *empowerNCER* yang digerakkan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan

Koridor Utara (NCIA).

“Sebelum PKP, saya pernah bekerja makan gaji sebagai akauntan selama kira-kira 18 tahun di sebuah syarikat multinasional.

“Oleh itu, boleh dikatakan saya mulakan perniagaan ini dari ‘kosong’, dan pada masa itu hanya belajar mengenai perkara-perkara asas sahaja seperti misi, visi dan model.

“Pada masa itu, saya tidak mempunyai banyak idea berkaitan perniagaan dan mengambil keputusan menjual pelbagai jenis barang melalui kedai dalam talian, kerana semasa itu juga saya masih belum dapat mengenal pasti barangan yang mana paling laris.

“Sehingga suatu masa, saya mula sedar jenis barangan yang mana hanya boleh didapati di kedai dalam talian saya, semua barang-barang itu adalah berasaskan rotan yang mana kebanyakannya dihasilkan oleh orang asal di Sarawak,”

katanya kepada penulis Buletin Mutiara, **SUNARTI YUSOFF** dan jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD**.

## Membina rangkaian

Pada mulanya kata Cheok Ai, beliau pernah mengikuti kelas dalam talian berkaitan bidang pemasaran digital yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Selain itu, beliau memberitahu bahawa pada tahun 2021, dirinya pernah menyertai Program Mentor Usahawan Wanita Pulau Pinang 2.0 (PWEMP 2.0) yang dianjurkan oleh agensi negeri itu.

Tidak terhenti di sini, pada tahun 2023 beliau kemudiannya menyertai *empowerNCER* untuk memantapkan lagi ilmu berkaitan pemasaran, sekali gus meningkatkan lagi jualan produk kraftangan rotan sehingga mampu mencecah pulangan menguntungkan kini.

“Selepas dua tahun menjalankan perniagaan memasarkan produk rotan, saya mengambil keputusan menyertai program *empowerNCER* untuk meningkatkan lagi perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

“Ini kerana semasa saya memulakan perniagaan, pada masa itu platform jualan dalam talian masih terhad kepada *Shopee* dan *Lazada* sahaja, tetapi kini saya juga mempunyai *web* dan aplikasi *TikTok*.

“Oleh itu, saya melihat bahawa program ini sangat membantu saya dalam membina rangkaian perniagaan dengan meluaskan lagi platform jualan produk-produk dalam talian dan secara fizikal.

“Selepas mengikuti kursus ini, saya mula sedar bahawa membina rangkaian terutamanya melalui media sosial adalah amat penting bagi seseorang peniaga yang berhasrat untuk memperluaskan lagi empayar perniagaan,” ujarnya lanjut.





# House pasaran Asia



BEG tangan unik yang turut dipasarkan.



## Yakin produk mampu tembusi pasaran Asia

Tanpa menoleh ke belakang lagi, Cheok Ai yakin produk-produk rotan yang dipasarkan secara dalam talian dan secara fizikal menerusi *The Rattan House* akan menembusi pasaran Asia suatu hari nanti.

“Saya ada tanggungjawab yang penting dengan minat saya berkaitan seni ini, di samping membantu orang asal di Sarawak memasarkan produk-produk berasaskan rotan mereka dalam pasaran domestik.

“Selain dari Sarawak, saya turut memasarkan produk kraftangan dari etnik asal di Sabah terutamanya aksesori-aksesori kecil seperti rantai leher, subang, gelang tangan dan banyak lagi bagi menyesuaikan dengan perniagaan produk rotan yang saya usahakan kini.

“Saya yakin produk-produk ini mempunyai permintaan tersendiri dan boleh menembusi pasaran rantau Asia suatu hari nanti,” ulasnya.

## Tidak berhenti berusaha

Di akhir wawancara, Cheok Ai turut menitipkan pesanan kepada para usahawan khususnya golongan wanita agar jangan sama sekali kata ‘saya tidak tahu’ selain tidak berhenti berusaha untuk mengembangkan perniagaan yang diusahakan.

“Dengan sedikit pengalaman dan pengetahuan mengenai e-dagang, pada masa hadapan juga saya ingin mengadakan program ‘B2B’ atau Ahli Perniagaan dengan Ahli Perniagaan, bukan sahaja melibatkan usahawan domestik, malah pedagang-pedagang peringkat rantau Asia Tenggara.

“Terima kasih kepada empowerNCER kerana telah banyak membantu saya memperluaskan rangkaian perniagaan *The Rattan House* sama ada secara fizikal atau secara dalam talian,” jelasnya.

Maklumat lanjut mengenai *The Rattan House* boleh diakses melalui portal, <https://www.therattanhouse.com> atau hubungi Cheok Ai menerusi nombor telefon 014-333 6683.



SEBAHAGIAN aksesori yang dihasilkan oleh orang asal di Sabah.



BEG tangan antara produk yang turut mendapat permintaan tinggi.

**Pertandingan video pendek**  
Tema: Seni Bina Di Pulau Pinang

**MENANG dengan 3 langkah mudah**

1. Ambil video mengikut tema yang diberikan.
2. Like dan follow laman Facebook, TikTok dan Instagram rasmi Buletin Mutiara.
3. Setiap karya meletakkan tetapan di akaun media sosial sebagai 'publik' atau menghantar karya melalui direct message ke akaun rasmi Facebook atau Instagram Buletin Mutiara.

**Hadiah**  
RM 1,000

**Terma & Syarat Peraduan:**

1. Warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas.
2. Video pendek harus berdurasi sekurang-kurangnya satu minit mengikut tema yang diberikan.
3. Karya adalah asli tanpa menyalah mana-mana hasil kerja. Karya dihantar menjadi hak milik pihak penganjur.
4. Tarikh tutup penyertaan adalah 30 Jun 2024.
5. Penyertaan digalakkan meletakkan tetapan di akaun media sosial sebagai 'publik' atau menghantar karya melalui direct message ke akaun rasmi Facebook atau Instagram Buletin Mutiara.
6. Keputusan panel juri adalah muktamad.
7. Kos penghantaran untuk hadiah pemenang perlu ditanggung oleh pemenang.



ADUN	No Tel/ No Faks
<b>N.26 PADANG KOTA</b> YAB Chow Kon Yeow <a href="mailto:chowkoneyow@penang.gov.my">chowkoneyow@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
<b>N.37 BATU MAUNG</b> YB Dato' Dr. Mohamad Abdul Hamid <a href="mailto:mohdhamid@penang.gov.my">mohdhamid@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
<b>N.29 DATO' KERAMAT</b> YB Jagdeep Singh Deo <a href="mailto:jagdeepsinghdeo@penang.gov.my">jagdeepsinghdeo@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 261 8715
<b>N.15 PADANG LALANG</b> YB Gooi Zi Sen <a href="mailto:gooizisen@penang.gov.my">gooizisen@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 530 3028
<b>N.16 PERAI</b> YB Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu <a href="mailto:n16.kadunperai@gmail.com">n16.kadunperai@gmail.com</a>	(T) 04 - 397 3600
<b>N.19 JAWI</b> YB H'ng Mooi Lye <a href="mailto:n19dunjawi@gmail.com">n19dunjawi@gmail.com</a>	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
<b>N.21 SUNGAI ACHEH</b> YB Rashidi Bin Zinol <a href="mailto:n21sgachehpk@gmail.com">n21sgachehpk@gmail.com</a>	(T) 04 - 593 2408 (F)
<b>N.22 TANJONG BUNGA</b> YB Zairil Khir Johari <a href="mailto:tanjongbunga@bukitbendera.org">tanjongbunga@bukitbendera.org</a>	(T) 04 - 818 3866 (F) 04 - 262 5952
<b>N.30 SUNGAI PINANG</b> YB Lim Siew Khim <a href="mailto:limsiewkhim@penang.gov.my">limsiewkhim@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
<b>N.34 PAYA TERUBONG</b> YB Wong Hon Wai <a href="mailto:wonghonwai1973@gmail.com">wonghonwai1973@gmail.com</a>	(T) 04 - 826 1898 (F)
<b>N.36 PANTAI JEREJAK</b> YB Fahmi Zainol <a href="mailto:fahmizainol@penang.gov.my">fahmizainol@penang.gov.my</a>	(T) 04 - 293 7545 (F) 04 - 293 7546
<b>N.02 BERTAM</b> YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican <a href="mailto:dsmpusatkhidmat@gmail.com">dsmpusatkhidmat@gmail.com</a>	(T) (F)
<b>N.07 SUNGAI PUYU</b> YB Phee Syn Tze <a href="mailto:n07sungaipuyu@gmail.com">n07sungaipuyu@gmail.com</a>	(T) 012 - 428 5594 (F)
<b>N.08 BAGAN JERMAL</b> YB Chee Yeeh Keen <a href="mailto:cheeyeehkeen@gmail.com">cheeyeehkeen@gmail.com</a>	(T) 018 - 388 6317 (F)
